

KUALA LUMPUR, 7 JULAI (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN PARA PEKERJA DI NEGARA INI BILA MEMINDA UNDANG-UNDANG BURUHNYA YANG ADA SEKARANG.

KATANYA KERAJAAN MENGAKUI HAKIKAT BAHAWA UNDANG-UNDANG UNTUK MELINDUNGI PARA PEKERJA ADALAH PENTING.

TETAPI, UJARNYA LAGI, ADA BEBERAPA PERUNTUKAN DALAM UNDANG-UNDANG BURUH YANG ADA SEKARANG TIDAK SESUAI LAGI.

BELIAU MENYATAKAN INI SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN USUL PERGERAKAN PEMUDA UMNO MENGENAI UNDANG-UNDANG BURUH DI PERHIMPUNAN AGONG PARTI ITU DI SINI HARI INI.

—BERSAMBUNG HM 1138

B516

UMNO-BURUH 2 KUALA LUMPUR

209

USUL ITU MENGGESA KERAJAAN BERUSAHA MENGADAKAN UNDANG-UNDANG BURUH YANG BARU SELEPAS DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA DAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

USUL ITU JUGA MENYERU PARA PEKERJA DAN MAJIKAN MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA KERAJAAN BAGI MENGEMUKA DAN MELAKSANAKAN PERUNDANGAN BURUH YANG BARU DALAM USAHA MENGGALAKKAN KEHARMONIAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO BESEBELUM KITA BERFIKIR UNTUK MENGUBAH UNDANG-UNDANG BURUH NEGARA INI, KITA PERLU MENGAKUI BAHAWA PARA PEKERJA MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMPERTAHAN KEDUDUKAN MEREKA.+

MENURUTNYA, DI ZAMAN DAHULU DI MANA KESATUAN SEKERJA TIDAK WUJUD, PARA PEKERJA HIDUP DALAM KETAKUTAN DAN KEGELISAHAN.

PARA MAJIKAN, KATANYA, MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN YANG BESAR DAN UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN ITU MEREKA SANGGUP BERBUAT APA-APA SAHAJA.

+MEREKA MEMBAYAR GAJI YANG RENDAH KEPADA PARA PEKERJA MEREKA DAN TIDAK MENGADAKAN SEBARANG KEMUDAHAN,+ TAMBAH BELIAU.  
-BERSAMBUNG HM 1145

UMNO-BURUH 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENERANGKAN BAHAWA UNDANG-UNDANG BURUH YANG ADA DI NEGARA INI SEKARANG ADALAH DIBENTUK OLEH PENJAJAH BRITISH YANG DI TIRU BULAT-BULAT DARI BRITAIN.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA BRITAIN SEKARANG MENGALAMI KEJATUHAN EKONOMINYA KERANA UNDANG-UNDANG BURUHNYA SENDIRI.

OLEH ITU, KATANYA, SUDAH TENTU UNDANG-UNDANG BURUH YANG KITA PINJAM DARI BRITAIN ITU AKAN MEMBERI KESAN YANG LEBIH BURUK KEPADA NEGARA INI YANG BARU SAHAJA MEMASUKI ERA PERINDUSTRIAN.

BELIAU JUGA MENEGASKAN PENTINGNYA PARA MAJIKAN TURUT MEMAINKAN PERANANNYA MENENTUKAN WUJUDNYA KEHARMONIAN PERUSAHAAN DENGAN TIDAK MENGGUNAKAN KUASA +LOCK-OUT+ DENGAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

KERAJAAN, DISEBALIKNYA, AKAN MENGAMBIL USAHA MENENTUKAN PARA PEKERJA TIDAK MENYALAHGUNAKAN UNDANG-UNDANG BURUH YANG ADA SEKARANG.

—BERSAMBUNG HM 1150

££

B519

UMNO-BURUH 4 KUALA LUMPUR

SEMASA MEMBENTANG USUL TERSEBUT, AHLI EXCO PEMUDA UMNO, HAJI IKHWAN NASIR, BERKATA KERAJAAN HENDAKLAH BERUSAHA MENGADAKAN UNDANG-UNDANG BURUH YANG BARU SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA DAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

BELIAU BERKATA MAJIKAN HENDAKLAH MENINGKATKAN KECEKAPAN KAUM BURUH SERTA MEMBERIKAN UPAHAN YANG ADIL KEPADA KAUM PEKERJA.

BELIAU BERPENDAPAT UNDANG-UNDANG BURUH YANG ADA SEKARANG MASIH TERDAPAT KELEMAHAN YANG PERLU DIKEMASKAN SERTA DIPERBAIKI.

KERAJAAN, TAMBAH BELIAU, PERLU MEMBUAT SATU KAJIAN MENYELURUH KEPADA UNDANG-UNDANG BURUH DEMI KEPENTINGAN KAUM BURUH DAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA.

MENURUT BELIAU ORDINAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN MASIH MEMPUNYAI KUASA TERHAD BAGI KEMENTERIAN BERTINDAK DALAM SESUATU PERTIKAIAN PERUSAHAAN.

INI, KATANYA, DIBUKTIKAN SEMASA BERLAKUNYA PERTIKAIAN MAS/AEU DIMANA KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT DIDAPATI LAMBAT BERTINDAK UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS ITU.

—BERSAMBUNG HM 1200

UMNO-BURUH 5 KUALA LUMPUR

HAJI IKHWAN BERKATA KERAJAAN HENDAKLAH BERWASPADA TERHADAP TOKOH-TOKOH KESATUAN SEKERJA YANG

SEKARANG TELAH BERGIAT DALAM POLITIK KHASNYA PARTI LAWAN.

TAMBAH BELIAU, MEREKA ITU TELAH MEMPERALATKAN KESATUAN SEKERJA UNTUK MENERUSKAN PERJUANGAN POLITIK BERTUJUAN MENGGULINGKAN KERAJAAN YANG SAH SEKARANG.

KATANYA, ADA JUGA ANTARA PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA YANG SEMASA MENGHADIRI PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA MEMBUAT KECEMAN SERTA MEMBURUKKAN IMEJ KERAJAAN.

+MEREKA ITU BUKAN SAHAJA CUBA MEMBURUK IMEJ KERAJAAN DI DALAM NEGERI TETAPI JUGA DI LUAR NEGERI DAN KERAJAAN HENDAKLAH BERSIKAP TEGAS TERHADAP MEREKA+ TAMBAH BELIAU.

—BERSAMBUNG HM 1203

££

B521

UMNO-BURUH 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KERAJAAN PERLU MENGAWASI KEGIATAN TOKOH KESATUAN SEKERJA TEMPATAN YANG BERSELINDUNG DI BAWAH COGANKATA SETIAKAWAN BURUH ANTARABANGSA.

MENYOKONG USUL ITU, ENCIK YUSUF LATIFF, (BAHAGIAN JELUTONG) BERKATA KERAJAAN HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH MENGHARAMKAN PEMOGOKAN DEMI KEPENTINGAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN.

BELIAU BERKATA KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT JUGA PERLU MENELITI TENTANG PERATURAN PEGAWAI EKSEKUTIF BUMIPUTERA DI SYARIKAT-SYARIKAT DALAM NEGERI.

ENCIK YUSUF JUGA MAHUKAN KERAJAAN SUPAYA JANGAN MENGGALAKKAN KESATUAN SEKERJA BERGABUNG DENGAN KESATUAN SEKERJA ANTARABANGSA.

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA LANGKAH ITU KESATUAN SEKERJA TIDAK DAPAT MENERIMA ARAHAN DARI BADAN ANTARABANGSA.—  
BERSAMBUNG HM 1205

££

B522

UMNO-BURUH 7 KUALA LUMPUR

WAKIL PERGERAKAN WANITA PUAN RAHMAH OTHMAN MENCADANGKAN SEMUA UNDANG-UNDANG BURUH YANG DIKUATKUASAKAN MASA INI DIKAJI SEMULA SUPAYA DAPAT MEMENUHI KEHENDAK NEGARA.

KATANYA, PERKARA ITU JUGA PERLU KERANA PIHAK KESATUAN SEKERJA MASIH TIDAK PUASHATI DENGAN PINDAAN-PINDAAN YANG TELAH DIBUAT TERHADAP KETIGA-TIGA ORDINAN BURUH.

MENURUTNYA, DENGAN RASA TIDAK PUASHATI ITU PIHAK KESATUAN SEKERJA SERING CUBA MENIMBULKAN ISIU-ISIU YANG BOLEH MENIMBULKAN RASA TIDAK PUASHATI DI KALANGAN PEKERJA DAN MAJIKAN YANG BOLEH MENGANCAM EKONOMI NEGARA.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA PERHUBUNGAN ANTARA KESATUAN SEKERJA DALAM NEGERI DENGAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ANTARABANGSA TELAH MEMBERI MEREKA KESEMPATAN UNTUK MENJADI DALANG DALAM SESUATU PERTIKAIAN SEPerti MAS-AEU.

PUAN RAHMAH JUGA MENCADANGKAN KERAJAAN BERTINDAK TERHADAP WAKIL-WAKIL KESATUAN SEKERJA DARI NEGARA INI YANG MENGAMBIL KESEMPATAN MENGHADIRI PERSIDANGAN-PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA UNTUK MENGECAM KERAJAAN MALAYSIA.

UMNO-BURUH 8 KUALA LUMPUR

WAKIL ITU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA DIADAKAN PERUNTUKAN TIDAK MEMBENARKAN MEREKA YANG BERGIAT DALAM KESATUAN SEKERJA BERTANDING DALAM PILIHANRAYA KETIKA MENGGUBAL SATU UNDANG-UNDANG BURUH YANG BARU.

MENGENAI MOGOK PULA BELIAU BERKATA APA YANG DITAKUTI IALAH +MOGOK SIMPATI+ YANG SELALUNYA BERLAKU JIKA SESUATU KESATUAN SEKERJA DALAM SESUATU NEGARA MELANCARKAN MOGOK DAN DIKUTI OLEH RAKAN MEREKA DI LAIN NEGARA KERANA MEREKA MENJADI ANGGOTA GABUNGAN KESATUAN ITU DIPERINGKAT ANTARABANGSA.

KATANYA, JIKA IANYA BERLAKU BANYAK BAHAN-BAHAN MENTAH YANG HENDAK DIEKSPORT OLEH NEGARA INI AKAN TERGENDALA.

BELIAU KEMUDIANNYA MENYERU KERAJAAN MENKKAJI DENGAN SERIUS PERKARA INI SUPAYA EKONOMI NEGARA TIDAK TIDAK AKAN TERJEJAS.

WAKIL SELANGOR, ENCIK TARIKH MOHD JONED, MENCADANGKAN SUPAYA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA MEMBERI PELUANG PEKERJA MEREKA MEMBELI SAHAM SYARIKAT MEREKA MELALUI POTONGAN GAJI \$5 SEBULAN.

UMNO-BURUH 9 KUALA LUMPUR

VCARA SEUMPAMA ITU AKAN DAPAT MENGELAKKAN BERLAKUNYA MOGOK KERANA PARA PEKERJA AKAN MERASAI BAHAWA KILANG TERSEBUT ADALAH KEPUNYAAN MEREKA, KATANYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN KESAL TERHADAP KERAJAAN KERANA MASIH LAGI TUNDUK KEPADA TEKANAN LUAR DENGAN MEMBEBAHKAN AHLI-AHLI KESATUAN SEKERJA YANG DITANGKAP DALAM KRISIS MAS-AEU.

TINDAKAN KERAJAAN MEMBEBAHKAN SEDIKIT DEMI SEDIKIT SETELAH MENERIMA TEKANAN LUAR MENUNJUKKAN KERAJAAN MASIH LEMAH DALAM MENGENDALIKAN KRISIS ITU.

WAKIL ITU JUGA MAHUKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN DAN SWASTA DIKAJI SEMULA DENGAN MELETAKKAN SEKURANG-KURANGNYA SEORANG AHLI UMNO UNTUK MENKKAJI PERJALANAN SEBENAR BADAN-BADAN TERSEBUT.